SISWA IKAT PERUT

# UA salur bantuan makanan, sara hidup

Inisiatif tangani isu pelajar kurang mampu dapatkan makanan

**Oleh Nor Afzan Mohamad Yusof**
afzan@bh.com.my

Kuala Lumpur

Program bantuan makanan dan sara hidup yang disediakan universiti awam (UA) pada masa ini berupaya menangani isu mahasiswa 'mengikat perut'.

Pengerusi Sekretariat Timbalan Naib Canselor (TNC) Hal Ehwal Pelajar dan Alumni (HEPA), Universiti Awam Malaysia, Prof Datuk Dr Mohamed Fadzil Che Din, berkata program bantuan bersifat kebajikan protektif itu boleh dimanfaatkan kira-kira 1,000 mahasiswa.

Katanya, peruntukan untuk program itu diperoleh menerusi yuran kebajikan yang dibayar pelajar sebanyak RM50 setiap tahun atau bantuan diterima UA daripada pelbagai pihak.

### Edar makanan percuma

"Sebagai contoh UNISZA, menyediakan bantuan makanan percuma dipanggil Gerobok Jariah dengan peruntukkan RM5,000 setiap bulan untuk B40.

"Malah di Universiti Malaysia Terengganu (UMT), ada agihan makan percuma melalui program Act of Kindness (AOK) atau AOK Gerobok Rezeki.

"Ia menyediakan makanan kering belum masak seperti beras, gula, susu dan telur yang disediakan secara percuma bagi membantu pelajar susah yang tinggal di luar asrama," katanya ketika dihubungi.

Beliau mengulas isu mahasiswa terpaksa mengikat perut seperti dilaporkan *BH* sejak Ahad lalu.

Mohamed Fadzil yang juga TNC HEPA, Universiti Pertahanan Awam Malaysia (UPNM), berkata program ini wajib dibangunkan setiap UA sejajar matlamat melindungi peranan pelajar sewaktu menuntut ilmu.

Katanya, UA komited membantu semua pelajar khususnya dalam kalangan B40 namun mereka perlu merujuk kepada bahagian hal ehwal pelajar.

"Pelajar yang layak boleh mendapatkan bantuan makanan yang tersedia di lokasi ditetapkan seperti kafe, asrama dan fakulti. Mereka boleh merujuk bahagian hal ehwal pelajar di universiti masing-masing," katanya.

# Kerja sambilan tampung kos

[FOTO MOHD YUSNI ARIFFIN /BH]



***Nor Fariza membuat kerja sambilan*** *di Kafe D Ramba, UM bagi menampung perbelanjaan.*

**Kuala Lumpur:** Bekerja secara sambilan pada masa terluang sebelum atau selepas waktu pengajian adalah antara usaha yang dilakukan pelajar universiti bagi menampung keperluan perbelanjaan sepanjang tempoh pengajian.

Biarpun memenatkan, mereka terpaksa melakukannya untuk menambah pendapatan bagi membiayai makan minum, membayar sewa bilik dan yuran pengajian.

Ini situasi yang dihadapi pelajar Ijazah Sarjana Muda Sosio Budaya Melayu Universiti Malaya (UM), Nor Fariza Zainal Abidin, 27, berikutan kekangan kewangan keluarga kerana bapanya sudah pencen.

Nor Fariza yang bekerja secara sambilan di kafe D Rimba di Fakulti Sains Komputer dan Teknologi Maklumat berkata, dia tidak kisah biar pun terpaksa melakukan pelbagai kerja pembersihan daripada mencuci pinggan, mengelap lantai sehinggalah mencuci tandas dengan upah RM50 sehari.

Beliau berkata, biarpun menerima wang pinjaman anak Perak berjumlah RM3,000 setiap semester selain Bantuan Pelajaran Tunku Abdul Rahman (BPTAR), ia tidak cukup untuk menampung perbelanjaan pengajian serta sewa bilik RM160 sebulan.

### Bahagi masa belajar, kerja

Menceritakan rutin hariannya, anak kedua dari empat beradik itu berkata, setiap hari dia akan datang seawal jam 6 pagi untuk memulakan kerja sebelum bergegas ke kuliah yang kebiasaannya bermula pada jam 10 pagi.

"Jika hari ada kuliah, saya akan bawa baju dan menyalinnya sebelum bergegas berjalan kaki ke kelas yang terletak hampir satu kilometer dari kafe ini. Habis saja kuliah, saya akan sambung kerja sehingga petang," katanya.

## ANTARA INISIATIF BANTUAN DILAKSANAKAN UNIVERSITI AWAM

**Universiti Putra Malaysia (UPM)**
1. Makanan percuma di kafeteria, Gerobok rezeki dan makanan percuma setiap Jumaat di Masjid UPM.
2. Dapur rakyat disediakan di Fakulti Sains Makanan.

**Universiti Kebangsaan Malaysia (UKM)**
1. Makanan percuma untuk pelajar.
2. Dana bantuan sara hidup sehingga RM600.

**Universiti Malaysia Terengganu (UMT)**
1. Biasiswa dana endowmen
2. Agihan makanan percuma melalui program Act of Kindness (AOK) di mana ia menyediakan makanan kering belum masak seperti beras, gula, susu, telur dan sebagainya secara percuma bagi membantu pelajar susah yang tinggal di luar kampus atau asrama.

**Univerisiti Malaysia Kelantan (UMK)**
1. Wakaf makanan percuma di fakulti dan masjid
2. Bantuan zakat kepada pelajar B40 secara berkala dan saraan pengajian pelajar.

**Universiti Malaysia Pahang (UMP)**
1. Kongsi rezeki untuk 1,200 pelajar makan tengah hari pada harga RM1. Ia disediakan pada tiga minggu awal dan akhir semester.
2. 'Food for all' setiap Isnin dan Khamis.
3. 'Suspended meal', Gerobok rezeki dan program Food For All.

**Universiti Sultan Zainal Abidin (UniSZA)**
1. Gerobok Jariah atau makanan percuma membabitkan kos RM5,000 setiap bulan.
2. Kupon makan pelajar, bantuan wang saku RM300 sebulan hasil bantuan wakaf.
3. Pinjaman dana makan minum untuk pelajar daif sebanyak RM500 setiap semester.

**Universiti Pertahanan Nasional Malaysia (UPNM)**
1. Butang Berkat. Butang dijual pada harga RM5 di mana hasil jualan itu membolehkan pelajar kurang berkemampuan membeli makanan.
2. Gerobok Rezeki untuk pelajar B40 dapatkan barang makanan ringan dan kering bila diperlukan.
3. Meja Waqaf untuk pelajar dapatkan bantuan barangan yang diwakafkan termasuk sumbangan berbentuk makanan dan minuman.

**Universiti Teknologi Malaysia (UTM)**
1. Program 'Because We Care Chancellor's Fund (BWCCF)' membantu pelajar yang terputus belanja untuk membeli makanan.
2. 'Suspended Meal' dengan konsep menaja makanan dibayar oleh penderma di kafeteria.

**Universiti Malaya (UM)**
1. Kupon makanan.
2. 'Food bank', 'central kitchen' dan edaran makanan.

GRAFIK BH